

23/11/2000

Umno perlu terus berjuang

Kamal Ahmad

TERUSKAN rasuah atau Umno dan negara hancur, demikian inti pati ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu. Ini adalah antara yang terbaru dalam siri pujukan, rayuan, tangisan dan doa Presiden Umno yang melihat masa depan Umno, orang Melayu, negara, bangsa serta agamanya sedang menghadapi satu pakej ancaman yang bukan calang-calang hebatnya.

"Oleh itu, tolonglah. Sayanglah bangsa kita ini...", kata Dr Mahathir dalam nada tersekat-sekat kerana sebak mengenangkan keadaan.

Matanya berkaca-kaca tetapi air matanya masih dapat dikawal daripada mengalir. Wajahnya terpancar harapan supaya ahli Umno dan orang Melayu memahami, menginsafi dan nampak masa depan seperti yang dikhuatirinya.

"Sayanglah bangsa kita ini..." katanya meneruskan ucapan di depan lebih 2,000 perwakilan pada Perhimpunan Agung Khas Umno untuk membahas dan meluluskan 49 pindaan Perlembagaan Umno yang bertujuan memperkukuhkan lagi parti.

Kenapa dalam ucapannya Dr Mahathir memberi fokus kepada rasuah atau politik wang, sikap buruk ahli dan pemimpin serta had menggunakan kuasa, sedangkan perhimpunan bertujuan meminda perlembagaan?

Pindaan perlembagaan bertujuan memperkukuh dan memperkemaskan parti. Ia sekali gus menimbus lubang yang boleh dimanipulasi dan dieksploitasi kalangan calon dan ahli yang cenderung dengan jenayah rasuah mahu ketika bermain politik.

Ancaman terhadap Umno bukan saja parti pembangkang dan gerakan lain dari luar parti dan pihak asing. Lebih membimbangkan, kehancuran Umno adalah angkara orang dalam parti sendiri.

Mereka ialah daripada kalangan ahli dan pemimpin yang bermuka-muka, mengamalkan jenayah rasuah, tamak kuasa dan kemewahan. Mereka menyedari kesalahan dan kesan perbuatan mereka tetapi kerana mengikutkan nafsu, kepentingan Umno, orang Melayu, negara dan agama dikesampingkan.

Menyorot ucapannya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno pada 11 Mei lalu, Dr Mahathir memberi fokus kepada perubahan sikap dan nilai orang Melayu hasil kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), termasuk tidak lagi mahu bersyukur dan berterima kasih serta bertindak memusnahkan bangsanya sendiri.

Beliau juga mendedahkan hakikat Umno sekarang yang sangat kritikal.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yakin Umno masih boleh mengubah keadaan itu dan sebenarnya berada di pihak yang benar. Umno tidak perlu takut menyatakan kebenaran itu ketika berhadapan parti lawan, khususnya Pas, yang berusaha meraih sokongan orang Melayu menggunakan agama sebagai modal politiknya.

Dengan mengaitkan imbas kembali itu dengan kejatuhan tamadun ternama dunia, Dr Mahathir membayangkan kekhuatiran kemungkinan musibah serupa menimpa Umno yang disebabkan jenayah rasuah dan perubahan sikap yang membabitkan ahlinya.

"Mereka yang berdiri dan memajukan tamadun sanggup menghadapi cabaran, berusaha bersungguh-sungguh dan tidak mementingkan diri. Mereka mengutamakan perjuangan. Ramai yang sanggup mengorbankan nyawa sekalipun untuk kepentingan perjuangan. Dengan kesanggupan ini, maka terdiri dan majulah tamadun berkenaan.

"Sebaliknya, mereka yang datang kemudian dan mewarisi hasil perjuangan puak yang terdahulu, tidak lagi memiliki sifat pengasas perjuangan. Mereka tidak lagi sanggup berjuang dan berkorban. Mereka hanya ingin menikmati

warisan peninggalan perjuangan generasi awal. Lebih daripada itu, mereka akan berebut-rebut untuk mendapatkan seberapa banyak bahagian daripada apa yang diwarisi untuk diri sendiri sehingga berlakulah perpecahan," katanya.

"Kita ingin ia kekal selama-lamanya. Tetapi kekal atau tidak parti dan bangsa kita ini, seperti juga dengan yang lain, bukan bergantung kepada harapan atau keinginan kita. Ia bergantung kepada sikap dan gerak-geri kita. Oleh kerana prestasi Umno berkait rapat dengan prestasi orang Melayu, maka amatlah penting kita tentukan ahli dan pemimpin Umno tidak berlagak sebagai pewaris Umno yang berebut-rebut tempat dan pangkat tetapi sebagai pemaju dan pembangun yang sama semangat dan dedikasi dengan pengasas Umno," katanya.

Sesungguhnya, pindaan Perlembagaan tidak menjamin parti daripada ancaman perubahan budaya dan sikap pewaris Umno itu.

Peraturan tidak dapat membanteras rasuah dalam politik dan jenayah lain. Perlembagaan tidak dapat menukar sikap dan tabiat buruk ahli kecuali ahli melakukannya secara rela.

Fokus baru yang ditekankan Dr Mahathir dan dijelaskan lagi melalui beberapa pindaan berkaitan ialah mengenai keahlian dan kepemimpinan generasi muda dalam Umno.

Ia bertujuan memenuhi keperluan pembaharuan dalam Umno sejajar dengan keadaan semasa dan akan datang, termasuk:

- * Penubuhan Puteri Umno;
- * Ahli Jawatankuasa (AJK) cawangan ditambah daripada 10 kepada 15 orang dan ketua cawangan diberi kuasa melantik tidak lebih lima ahli, termasuk seorang wakil Pemuda dan seorang wakil Wanita sebagai AJK;
- * Perwakilan Pemuda dan Wanita ke persidangan bahagian ditambah masing-masing kepada 10 orang berbanding lima sebelum ini; dan
- * Ketua bahagian diberi kuasa melantik tujuh orang dalam AJK bahagian, termasuk wakil Pemuda dan Wanita, berbanding lima sebelum ini.

Dr Mahathir berkata: "Jika Umno hendak dikekalkan, jika perjuangan Umno hendak diteruskan, pembaharuan Umno hendaklah dibuat dan dibuat oleh generasi yang muda. Generasi lama, generasi tua, walau apa pun hasil sumbangan mereka, hendaklah bersedia memberi tempat kepada generasi muda, sama ada sebagai ahli atau pemimpin."

"Jika mereka tidak diterima awal lagi, maka bukan saja Umno dan perjuangannya akan berbeza dari sekarang tetapi Umno mungkin hancur sama sekali sebelum perjuangannya selesai."

Bagaimanapun, pindaan yang memberi lebih banyak ruang dan peluang generasi muda tidak sewajarnya dijadikan sebab untuk muncul gejala baru dalam Umno, iaitu gerakan menarik turun pemimpin lama secara besar-besaran.

Kenyataan Dr Mahathir itu tidak seharusnya diputarbelitkan sehingga kelihatan seperti satu lampu hijau daripada Presiden untuk melakukan perubahan drastik dalam barisan kepemimpinan Umno cawangan dan bahagian.

Justeru, Majlis Tertinggi (MT) harus melakukan kawalan ketat supaya tidak berlaku revolusi atau reformasi tidak sihat itu, khususnya kalangan pemimpin yang merasakan dirinya muda, dengan pemimpin tua menjadi sasaran.

Bagaimanapun, pada masa yang sama, pemimpin tua sebagaimana saranan Dr Mahathir, wajar memberi ruang dan peluang pemimpin muda menerajui jawatan penting dalam Umno cawangan dan bahagian.

Malah lebih penting, proses itu tidak dianggap tindakan gelojoh orang muda untuk menurunkan yang tua. Apa yang penting proses 'turun naik' ini berlaku dalam suasana harmoni, beradab dan bertatasusila. Ia tidak harus menjejaskan perpaduan parti dan hubungan mereka yang terbabit dengan proses itu.

MT juga perlu memperhalusi kerangka penubuhan Puteri Umno supaya tidak wujud apa jua bentuk ancaman, pertindihan mahupun menenggelami kepentingan

Wanita Umno.

Umno harus memastikan pindaan yang baru diluluskan itu tidak menjadi masalah baru kepada parti pula. Usaha menyuburkan nilai murni dan budaya sebenar orang Melayu perlu dipertingkatkan kerana Umno memerlukan ahli yang bersikap demikian.

Memandangkan Umno demokratik dan dinamik, MT tidak boleh berhenti daripada mengkaji mana-mana peraturan yang dikesan lemah.

Perlembagaan perlu diperkasakan supaya organisasi itu terus kukuh. MT harus mencerna maklumat dan keresahan akar umbi yang sebenarnya tidak tamat walaupun Perlembagaan baru dipinda dan diluluskan Sabtu lalu.

(END)